

## **KAUNSELING UNTUK KESEJAHTERAAN – SATU KAJIAN KES PERKHIDMATAN KAUNSELING DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

TAIP ABU  
ABDUL HALIM OTHMAN

### **ABSTRAK**

Kaunseling untuk kesejahteraan cuba melihat khidmat kaunseling sebagai khidmat menolong terutamanya di Universiti Kebangsaan Malaysia, yang akan menfokus konsepsi kaunseling dalam perkembangan semasa dengan tumpuan kepada perkhidmatan kaunseling Universiti Kebangsaan yang telah ditubuhkan sejak tahun 1973. Pada awalnya unit ini memberikan perkhidmatan rundingcara dan kerjaya kepada pelajar yang juga dikenali sebagai Unit Rundingcara Pelajar (URP). Dengan pengstrukturian yang dilakukan pada tahun 2005, unit ini dikenali sebagai Unit Kaunseling (UK). Sesuai dengan penjenamaan baru ini, tugas unit telah difokus kepada perkhidmatan kaunseling yang lebih profesional merangkumi kaunseling psikososial, kaunseling peribadi, kaunseling akademik, kaunseling kelompok, psikoterapi dan klinikal yang diuruskan oleh Kaunselor Berdaftar (KB) di mana perkhidmatan kaunseling yang diberikan juga lebih meluas dan profesional. Kertas ini cuba meninjau peranan baru yang dijalankan oleh unit ini kerana terdapatnya peningkatan jumlah pelajar yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling di unit ini dalam bidang kaunseling tertentu. Beberapa strategi juga akan dikemukakan untuk meningkat perkhidmatan unit ini, terutama untuk meningkatkan pusat ini sebagai pusat yang profesional.

### ***ABSTRACT***

*Counseling for the well-being is an attempt to look at counseling in helping the client at current situation particularly in Universiti Kebangsaan Malaysia. At its earlier stage the unit provide student counseling and career development to its students. This paper will focus counseling services at Universiti Kebangsaan Malaysia which was established since 1973. Its function is to provide to student*

*guidance and career development. When restructuring was done in 2005 the unit is known as The Counseling Unit. In line with the restructuring, the function is focused to provide more professional counseling services including psychosocial, personal counseling, group counseling, academic counseling, psychotherapy and clinically managed problem by registered counselors who are professional in their own field. The counseling services provided are wider. This paper attempts to look into new counseling roles by this unit because of increasing number of students seeking counseling services. Lastly various strategies will be put forward in order to improve and upgrade the services offered by the unit.*

## PENDAHULUAN

Perkhidmatan kaunseling bukanlah satu fenomena baru di Malaysia. Para penyelidik berpendapat perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mula di perkenalkan di Malaysia pada tahun 40an (Lloyd dan Aminah Hashim, 1987). Bagaimanapun, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling secara formalnya mula diperkenalkan pada tahun 1963, apabila kursus peringkat sijil dimulakan di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur. Kemudiannya, Universiti Kebangsaan Malaysia telah memulakan kursus peringkat diploma psikologi (kaunseling) pada tahun 1989 dan Universiti Pertanian Malaysia menawarkan kursus di peringkat sarjanamuda pada tahun 1981. Pada awalnya, Kementerian Pelajaran Malaysia hanya mewujudkan perkhidmatan bimbingan kaunseling di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, pada tahun 1984, sesuai dengan Perakuan Dasar Pelajaran terdapat beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia yang mula menawarkan kursus di peringkat pra siswazah dan pasca siswazah seperti di Universiti Malaysia Sabah, Universiti Utara Malaysia dan beberapa IPTA yang lain. Matlamat umum pendidikan bimbingan kaunseling ini diwujudkan adalah untuk melatih dan menyediakan bakal kaunselor yang boleh dibekalkan di semua sektor perkhidmatan di Malaysia.

Perkhidmatan kaunseling telah mendapat tempat dalam masyarakat dan institusi-institusi di Malaysia, sesuai dengan perkembangan, pembangunan dan perubahan masyarakat dan institusi keluarga. Di samping perkembangan yang berlaku dalam bidang ekonomi, teknologi, budaya, politik dan perubahan yang berlaku dalam nilai, sosial dan

tradisi masyarakat yang begitu kompleks dan mencabar wujudnya nilai-nilai baru dalam masyarakat yang memerlukan perhatian dari pihak tertentu. Masyarakat menghadapi masalah untuk menyesuaikan persekitaran hidup dan pekerjaan yang begitu mencabar dan terasing dari kebiasaan sebelumnya. Perubahan-perubahan ini telah menggalakkan dan meningkatkan kesedaran untuk mengembangkan perkhidmatan kaunseling sebagai satu aktiviti dalam bentuk 'nasihat' atau kaunseling sebagai satu bentuk pertolongan untuk kesejahteraan insan terutama kepada pelanggan yang memerlukan perkhidmatan tersebut. Sepertimana yang berlaku di negara Barat, perkembangan perkhidmatan kaunseling yang berlaku di Malaysia telah menggalakkan dan meningkatkan usaha-usaha untuk mengkaji dan menulis terutama apabila wujudnya pertambahan Institusi Pengajian Tinggi yang memperkenalkan program dalam bidang ini atau memberikan perkhidmatan kaunseling kepada pelajar dan pekerjaannya (Abdul Halim, 1986, 2000).

Justeru, artikel ini ingin melihat perkhidmatan kaunseling yang berlaku di Malaysia khasnya di Institusi Pengajian Tinggi Awam dengan memberi tumpuan kepada perkhidmatan kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia sesuai dengan pendekatan perkhidmatan kaunseling untuk kesejahteraan. Perkhidmatan kaunseling juga harus menjadi perkhidmatan profesional sesuai dengan kuatkuasa Akta 580 Akta Kaunselor 1998 Kaunseling dan Profesional di Malaysia pada tahun 1998 dan Peraturan-Peraturan Kaunselor, kelakuan dan tata tertib disamping Pendaftaran dan Peraturan Amalan 1999 yang dikeluarkan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia.

## **PERKHIDMATAN KAUNSELING DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM**

Perkhidmatan kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia mula diperkenalkan pada penghujung tahun 1970an. Modul perkhidmatan kaunseling adalah lebih merakamkan kepada kaunseling dan kerjaya. Berbanding dengan negara-negara lain di Asia Tenggara seperti Filipina, kebanyakan universiti dan kolej di Malaysia menggalakkan perkhidmatan dan kaunseling berdasarkan model Amerika. Thailand menubuhkan agensi bimbingan di peringkat

pusat di Bangkok manakala Indonesia pula mengadakan sistem tutorial yang berterusan melalui sistem Bimbingan Pengajian (Hayden, 1967). Hayden dalam laporan UNESCO, merakamkan;

*'In southeast Asia, it has been increasingly realized that it is important to provide some more generalized but nevertheless efficient means of guidance and counseling at various stages and in different forms'.*

Penubuhan Pusat Kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia berdasarkan kepada alasan. Menurut pandangan See Ching Meu (2003), Penubuhan Pusat Kaunseling di kebanyakan institusi pengajian tinggi bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan yang berbentuk pemusatan pelajar bagi membantu pelajar dari segi perkembangan diri, akademik, kerjaya, peribadi, pencegahan dan menggalakkan kesihatan mental. Keadaan ini berbeza dengan keperluan terhadap kaunselor di sekolah menengah yang berpunca kerana berlakunya peningkatan masalah tingkahlaku dalam kalangan pelajar di sekolah setiap tahun. Misalnya, Laporan Disiplin Pelajar yang dikeluarkan pada tahun 1994 mendapati 9.82% pelajar sekolah menengah terlibat dengan pelbagai kes salah laku antaranya memukul guru, bergaduh, vandalism, tingkahlaku lucu, rogol, kongsi gelap dan penagih dadah (Zuria, Noriah dan Norihah, 2003). Sementara laporan daripada Unit Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Sekolah (1999) pula mendapati seramai 98,449 orang pelajar dari 4,798,944 orang pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh Negara terlibat dalam kes melanggar disiplin sekolah (Zuria, Noriah dan Norihah, 2003). Dengan itu, pelantikan jawatan Kaunselor sepenuh masa pada tahun 1996 adalah antara reaksi kepada perkembangan gejala sosial yang melanda golongan remaja pada hujung tahun 1990an (Amla, Zuria dan Salleh, 2003).

## **KAUNSELING DAN KESEJAHTERAAN**

Kaunseling dan kesejahteraan membawa maksud yang berbeza. Pada umumnya, istilah kaunseling atau 'rundingcara' telah banyak disalah ertikan (Abdul Halim, 2000). Misalnya, kaunseling adalah untuk pelajar-

pelajar di sekolah dan institusi pengajian tinggi sahaja atau kaunseling adalah satu perkhidmatan yang boleh menyelesaikan kes-kes disiplin atau kaunseling digunakan dengan bimbingan kerjaya menurut Abdul Halim (2000), terdapat sekurang-kurangnya dua konsep tentang konsep kaunseling. Pertamanya mengekalkan penggunaan istilah kaunseling mengikut sumber teori barat dan mengubahsuai dari segi amalan mengikut budaya yang berlainan. Keduanya, memperluaskan definasi konsep 'kaunseling' untuk merangkumi semua jenis khidmat menolong dalam sebarang kontak budaya.

Sehubungan dengan ini Kementerian Pendidikan Malaysia (1966), memetik definasi yang diberikan oleh Trayler & North (1966) sebagai:

*Counseling is an interpersonal relationship usually between two individuals, a teacher-counsellor and a counselee in which the principal objectives are the improvement of an individual's welfare and the amelioration of his problems.* (hal. 61)

Atau definasi oleh Jones (1951), yang juga dipetik oleh dokumen ini, mendefinisikan kaunseling sebagai;

*However counseling is only one aspect of guidance 'counseling is not giving advice, although advice may be given. A wise teacher-counsellor never gives advice except when it is impossible to avoid it.'* (hal. 61).

Md. Shuaib Che' Din (1995) yang melihat dari perspektif psikologi mendefinisikan kaunseling sebagai:

Kaunselor yang menggunakan pengetahuan dan teknik psikologi untuk tujuan menolong individu berubah daripada keadaannya sekarang kepada satu keadaan yang dikehendakinya.

Dari segi Islampula, penulisan-penulisan terkini tentang kaunseling menunjukkan sikap yang berbeza-beza. Mengikut Abdul Halim (2000), di satu pihak kaunseling Islam ditunjukkan sebagai bidang yang tulen

yang tidak asing dalam masyarakat Islam, manakala di satu pihak lagi kaunseling Islam dilihat sebagai satu disiplin yang diubahsuai dari konsep kaunseling yang difahami dalam psikologi moden. Oleh itu, Abdul Halim menyarankan bahawa;

“salah satu bidang yang harus benar-benar difahami oleh penasihat atau “kaunselor” Muslim ialah fitrah manusia yang bermaksud memberi jawapan kepada persoalan-persoalan tentang:

- i. Asal usul manusia dan konsep ciptaan
- ii. Peranan manusia di dunia
- iii. Matlamat terakhir hidup dan sebagainya.”

Sehubungan dengan ini Hamzah (1984) telah merumuskan iaitu:

Objektif-objektif bimbingan dan kaunseling sepertimana yang dimajukan oleh pakar-pakar dari barat, terdapat lebih persamaan daripada perbezaan di antaranya dengan yang dikehendaki oleh Islam ... Walau bagaimanapun perbezaan yang jelas ialah disiplin psikologi Barat masa kini telah mengenyepikan Paradigma Hidup yang terlalu mementingkan segala yang dapat diperhatikan, dimanipulasi dan dibuktikan secara empirical.” (hal. 91)

Konsep kesejahteraan pula adalah satu konsep yang amat kompleks. Menurut Amir Awang (1984), konsep kesejahteraan adalah konsep yang relatif dan amat bergantung kepada aneka jenis pembolehubah yang wujud dalam satu-satu masyarakat. Abdul Halim (2000) pula berpendapat konsep kesejahteraan dilihat sebagai perimbangan antara mental, emosi, fizikal, spiritual dan sosial yang terarah kepada kenikmatan dan kepuasan hati seseorang individu dalam kerangka hidupnya sebagai seorang insan yang bertakwa. Justeru, konsep kesejahteraan ini merujuk kepada keadaan psikologi insan yang cuba dibina melalui proses-proses sosialisasi, pendidikan, kaunseling dan sebagainya.

## PERKHIDMATAN KAUNSELING DI UNIVERSITI- UNIVERSITI DI MALAYSIA

Seperti yang telah dinyatakan perkhidmatan kaunseling kepada pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia telah bermula pada penghujung tahun 1970an. Pada masa ini Malaysia mempunyai 19 Universiti Awam, yang kesemuanya mempunyai Pusat atau bahagian kaunseling sama ada ditubuhkan sebagai Pusat atau menjadi salah satu Unit di Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Bagaimanapun, kebanyakan IPTA masih belum mempunyai Unit Kaunseling secara rasmi. Berdasarkan maklumat yang dikumpulkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sehingga 30 September 2005 terdapat 13 Unit Kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi Awam (Jadual 1).

**Jadual 1. Nama Pusat/Unit dan Bil Kaunselor Berdaftar (KB)  
Pada September 2005**

Universiti	Nama Unit/Pusat	Bil. Kaunselor (KB)
UTM	Unit Pekhidmatan dan Sokongan Pelajar	2
UKM	Unit Rundingcara Pelajar	4
UPM	Unit Bimbingan dan Kaunseling	4
UM	Seksyen Kaunseling dan Kerjaya	4
UiTM	Unit Kaunseling (UiTM Pusat)	4
UUM	Pusat Kaunseling dan Kerjaya	5
UIAM	Jabatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya	5
UPSI	Pusat Kaunseling	2
USM	Unit Kaunseling	3
UTHM	Pusat Kaunseling dan Pembangunan Pelajar	3
UTeM	Unit Bimbingan dan Kaunseling	2
UMP	Unit Kaunseling & Perkhidmatan Sokongan Siswa	1
USIM	Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah	2

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi, Minit Mesyuarat Unit Kaunseling dan Kerjaya, 30 September 2005.

Didapati purata jumlah pelajar setiap IPTA sehingga kini ialah antara 10,000 hingga 30,000 orang. Ini bermakna purata nisbah seorang kaunselor dengan pelajar ialah antara 5,000 ke 10,000 (1:5000/10,000).

Sehubungan dengan ini Kennington (1970) dalam Muhd Mansur dan Siti Nurdinar (1992), menyatakan golongan yang memasuki institusi pengajian tinggi sebaik sahaja tamat persekolahan menengah dipanggil belia. Terdapat beberapa situasi yang mempengaruhi kehidupan mereka, antaranya

- i. Berlaku ketegangan antara dirinya dengan masyarakat dan sifat-sifat yang berkembang pada dirinya menyebabkan mereka mula bertanya dan menentukan siapakah dirinya.
- ii. Konsep mencuba-cuba di mana golongan ini sanggup membuat beberapa eksperimen untuk kepuasan dirinya.
- iii. Pergolakan dalaman diri yang sentiasa berubah.
- iv. Enggan bergaul dan cuba menyisihkan diri dan keluar daripada peranan dan tanggungjawab sepatutnya.
- v. Konsep sendiri antara sebagai remaja yang mempunyai minat yang kuat dan sebagai dewasa yang mempunyai tugas-tugas tertentu.

Berdasarkan kepada ciri-ciri ini, sebagai pelajar di institusi pengajian tinggi mereka juga dalam keadaan tertentu, terpisah dalam beberapa cara daripada masyarakat dewasa. Mereka sebenarnya berada di dalam peringkat peralihan dan sewajarnya mereka ini diberikan bimbingan, pertolongan dan panduan untuk tidak ketinggalan dalam apa juga aspek sebaik sahaja menjejakkan kaki ke institusi pengajian tinggi. Mohd Tajudin (2003) berpendapat, bersesuaian dengan era globalisasi abad ke 21 ini, kaunselor memainkan peranan yang amat besar dalam usaha membantu pihak kerajaan menangani kes-kes yang melibatkan masyarakat. Penyalahgunaan revolusi teknologi maklumat mengakibatkan ramai belia Malaysia kini terdedah dengan pelbagai masalah sosial. Perubahan tenaga kerja dalam masyarakat yang mementingkan *k-knowledge* menyebabkan struktur pekerjaan masakini lebih fleksibel dan tidak rigid. Keadaan ini tidak terkecuali bagi penuntut di pusat pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia.



## **PERKHIDMATAN KAUNSELING DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Perkhidmatan kaunseling di Universiti Kebangsaan secara rasmi telah bermula pada 13 November 1973 (Dokumen Unit Rundingcara Pelajar, UKM), dan dikenali sebagai Unit Rundingcara Pelajar. Unit ini kemudiannya ditukar nama kepada Unit Kaunseling dan Kerjaya pada tahun 1980 dan kemudiannya dengan pengstrukturian semula Bahagian Hal Ehwal Pelajar pada tahun 2005 ditukar kepada Unit Kaunseling. Pengstrukturian ini telah membolehkan unit ini memberikan perkhidmatan secara profesional yang dijalankan oleh kaunselor berdaftar, seperti yang dikehendaki oleh Akta Kaunselor 1998.

Sebelum unit distruktur semula, iaitu dari tahun 1973 hingga 1999, perkhidmatan kaunseling tidak dikendalikan oleh Kaunselor Berdaftar sebaliknya dikendalikan oleh pegawai yang dikenali sebagai Penolong Pendaftar sama ada mereka mempunyai ijazah dalam bidang kaunseling, psikologi atau ijazah-ijazah yang lain. Perkhidmatan yang diberikan ialah lebih tertumpu kepada rundingcara seperti perkhidmatan rundingcara kewangan, rundingcara akademik, perkhidmatan rundingan kewangan, rundingcara kerjaya, rundingcara berkelompok/psikoterapi, perkhidmatan pembasmian penggunaan dadah, perkhidmatan ujian, pengukuran dan penilaian, tatacara teknik temuduga dan khidmat masyarakat. Selain itu, unit ini juga mengendalikan Bengkel Teknik Belajar, ceramah kerjaya, bimbingan kerjaya, penempatan/latihan industri pelajar di sektor swasta dan awam, program hari kerjaya, perkhidmatan mendapatkan mahasiswa dan bantuan kewangan, orientasi pelajar baru, khidmat nasihat dan khidmat masyarakat. Tugas yang pelbagai yang dikendalikan oleh unit tidak menggambarkan peranan yang sebenarnya yang harus dijalankan oleh unit ini atau dijalankan oleh seorang kaunselor profesional (KB) . Ini juga kerana penyandang jawatan dalam unit ini pada masa itu disandang oleh Pegawai Tadbir Universiti di bawah skim jawatan 'N' (penolong) dan bukan jawatan 'S' seperti yang ditetapkan oleh skim jawatan kaunselor pada masa ini.

## PENSTRUKTURAN DAN PERUBAHAN FUNGSI UNIT KAUNSELING

Sejak unit ini distrukturkan semula pada tahun 2005, fungsi dan peranan juga telah disesuaikan semula. Berdasarkan keputusan mesyuarat bersama di Kementerian Pengajian Tinggi, pemegang jawatan di unit ini perlu diisi oleh kaunselor berdaftar (KB), sesuai dengan kuatkuasa Akta Kaunselor 1998 dan peraturan-peraturan Kaunselor, 1999 yang dikeluarkan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia. Penyandang jawatan mestilah dikendalikan oleh kaunselor profesional dan tugas yang dijalankan juga menjurus kepada tugas seorang kaunselor. Fungsi yang dijalankan oleh unit ini, selepas pengstrukturkan adalah lebih terfokus seperti hanya kepada kaunseling psikososial, kaunseling peribadi, kaunseling individu, kaunseling kelompok dan kaunseling klinikal. Jadual 2, 3, 4 dan 5 menunjukkan jenis perkhidmatan, jumlah klien dan ethnik yang datang mendapatkan perkhidmatan ini dari tahun 2006 hingga Disember 2008.

**Jadual 2. Jumlah Pelajar (Klien) Yang Mendapatkan  
Perkhidmatan Kaunseling, Unit Kaunseling, UKM  
Dari Tahun 2006 Hingga 2008**

BIL	JENIS PERKHIDMATAN KAUNSELING	TAHUN					
		2006		2007		2008	
		Bilangan sesi	Peratusan (%)	Bilangan sesi	Peratusan (%)	Bilangan sesi	Peratusan (%)
1	AKADEMIK	32	52.5	41	49.4	106	26
2	PERIBADI	22	36.1	40	48.2	199	49
3	PSIKOSOSIAL	1	1.6	-	-	56	13
4	KEMAHIRAN	1	1.6	1	1.2	-	-
5	KERJAYA	5	8.2	1	1.2	-	-
6	KLINIKAL	-	-	-	-	15	12

SUMBER: Laporan Tahunan Perkhidmatan Kaunseling Unit Kaunseling UKM, 2006 - 2007.

**Jadual 3. Bilangan dan Peratusan Pelajar (Klien) yang Mendapatkan Khidmat Kaunseling Mengikut Ethnik dari Tahun 2006 - 2008**

BIL	JENIS PERKHIDMATAN KAUNSELING	TAHUN					
		2006		2007		2008	
		Bilangan	Peratusan (%)	Bilangan	Peratusan (%)	Bilangan	Peratusan (%)
1	MELAYU	52	85.2	65	78.3	442	83
2	CINA	6	9.8	13	15.7	59	11
3	INDIA	3	5.0	4	4.8	18	3
4	LAIN-LAIN	-	-	1	1.2	15	3

SUMBER: Laporan Tahunan Unit Kaunseling Tahun 2006, 2007 dan 2008

**Jadual 4. Perkhidmatan Kaunseling di Unit Kaunseling UKM dari Januari – September 2008**

BIL	JENIS PERKHIDMATAN KAUNSELING	SESI PERKHIDMATAN DAN PERATUSAN KAUNSELING MENGIKUT BULAN											
		Jan.	Feb.	Mac	Apr.	Mei	Jun	Jul.	Ogos	Sept.	Okt.	Nov.	Dis.
1	AKADEMIK	25 sesi (43%)	13 sesi (21%)	14 sesi (17%)	15 sesi (28%)	2 sesi (9%)	5 sesi (25%)	14 sesi (27%)	18 sesi (30%)	9 sesi (14.5%)	(24%)	5 sesi (24%)	3 sesi (23%)
2	PERIBADI	20 sesi (34%)	32 sesi (49%)	42 sesi (50%)	23 sesi (44%)	13 sesi (57%)	9 sesi (45%)	34 sesi (67%)	28 sesi (46%)	42 sesi (67.7%)	(57%)	7 sesi (33%)	3 sesi (38%)
3	PSIKOSOSIAL	8 sesi (14%)	10 sesi (15%)	8 sesi (10%)	6 sesi (12%)	1 sesi (4%)	2 sesi (10%)	-	7 sesi (12%)	6 sesi (9.7%)	(12%)	3 sesi (14%)	-
4	KLINIKAL	5 sesi (9%)	10 sesi (15%)	3 sesi (4%)	9 sesi (17%)	7 sesi (3%)	4 sesi (20%)	3 sesi (6%)	7 sesi (12%)	5 sesi (8.1%)	(7%)	6 sesi (29%)	5 sesi (39%)
5	KAUNSELING KELOMPOK	-	-	17 sesi (20%)	-	-	-	-	-	-	-	-	-

SUMBER: Laporan Bulanan, Unit Kaunseling, UKM dari Januari hingga Disember 2008

### Jadual 5. Peratusan Pelajar (Klien) yang Mendapatkan Khidmat Kaunseling Mengikut Etnik dari Januari - Disember 2008

BIL	ETNIK	PERATUSAN MENGIKUT BULAN											
		Jan.	Feb.	Mac	Apr.	Mei	Jun	Jul.	Ogos	Sept.	Okt.	Nov.	Dis.
1	MELAYU	39org (80%)	39 org (83%)	44 org (1.5%)	41 org (89.1%)	16 org (94.1%)	14 org (82.4%)	32 org (88.9%)	35 org (81.4%)	37 org (82.2%)	40 org (48%)	19 org (59%)	18 org (78%)
2	CINA	5org (11%)	3 org (6%)	7 org (12.9%)	4 org (8.7%)	-	3 org (11.8%)	3 org (8.1%)	5 org (11.6%)	5 org (11.6%)	8 org (16%)	8 org (25%)	4 org (18%)
3	INDIA	1org (2.10%)	1 org (2%)	1 org (1.9%)	-	-	-	-	1 org (2.3%)	3 org (6.7%)	1 org (2%)	5 org (16%)	-
4	LAIN-LAIN	1org (2.1%)	4 org (9%)	2 org (3.7%)	1 org (2.2%)	1 org (5.9%)	1 org (5.8%)	1 org (2.8%)	2 org (4.7%)	-	2 org (2%)	-	1 org (4%)

SUMBER: Laporan Bulanan, Unit Kaunseling dari Januari hingga Disember 2008

Dari maklumat ini jelas menunjukkan peningkatan jumlah perkhidmatan kaunseling di Unit Kaunseling, Universiti Kebangsaan Malaysia terutama dalam aspek kaunseling peribadi, psikososial dan klinikal dari tahun 2006 hingga Disember 2009 berbanding dengan perkhidmatan yang diberikan sebelum pengstrukturkan semula sebelum tahun 2005. Pelajar dari etnik Melayu merupakan klien yang tertinggi mendapatkan perkhidmatan kaunseling berbanding dengan etnik yang lain. Walaubagaimanapun, jumlah pelajar etnik Melayu dan bukan Melayu hampir sama mendapatkan khidmat kaunseling sepanjang tahun kajian, 2006 - 2008.

### PROGRAM KAUNSELING RAKAN SEBAYA (BKRS)

Satu lagi aktiviti dan proses pertolongan kepada pelajar ialah melalui program Kaunseling Rakan Sebaya (BKRS) selaras dengan fungsi universiti memusatkan pertumbuhan individu dan menggalakkan pembangunan diri, membina pelajar secara menyeluruh dan bersepadu (intelekt, jasmani, semangat, sosial). Didapati kaunseling “pelajar-kepada-pelajar” atau dikenali sebagai “kaunseling rakan sebaya” adalah sesuai bagi kes-kes tertentu untuk digalakkan di universiti. Kaunseling rakan sebaya di universiti, terutama di kolej kediaman, boleh melengkapkan aktiviti-aktiviti akademik, intelektual, jasmani dan rekreasi, juga terpenting ialah menolong pelajar memberi perhatian

kepada pelajar-pelajar lain yang akhirnya akan membina perasaan kekeluargaan kampus di kalangan pelajar. (Abdul Halim, 1994).

Di Universiti Kebangsaan Malaysia, program kaunseling rakan sebaya pertama (Badan Kaunseling Rakan Sebaya/BKRS) telah dimulakan di Kolej Ungku Omar pada tahun 1987 dengan 21 orang pelajar dari pelbagai ethnik. Program ini mendapat sokongan kewangan dan moral dari Bahagian Hal-Ehwal Pelajar dan pada masa ini dikembangkan pula ke kolej kediaman yang lain. Pelaksanaan BKRS biasanya berpandukan objektif-objektif berikut:

- i) Untuk menyampaikan maklumat tentang universiti dan hal-hal akademik lain kepada pelajar-pelajar baru dan kumpulan-kumpulan pelajar yang memerlukan maklumat ini.
- ii) Untuk membantu pelajar membina kemahiran-kemahiran sosial dan interpersonal.
- iii) Untuk membantu pelajar dalam bidang akademik melalui nasihat akademik, kaunseling, syarahan, perbincangan dan bengkel
- iv) Untuk menjadi tempat bantuan pertama dan jika perlu merujuk klien kepada kuasa-kuasa tertentu.

Pelajar yang terlibat atau dipilih menjadi ahli BKRS diberi latihan komunikasi dan empati; termasuk kemahiran pendengaran asas, kemahiran komunikasi tanpa kata, respon kepada perasaan, teknik menyoal dan analisis diri. Kaunseling Rakan Sebaya perlu dikembangkan di universiti ini sebagai satu program yang berstruktur dan digalakkan oleh universiti dan perlu dikembangkan di setiap kolej perumahan dan fakulti. Ia menjadi satu usaha kemanusiaan yang bernilai dan berguna untuk kesejahteraan pelajar kerana ia menjadi tempat bantuan pertama untuk merujuk klien kepada kaunselor atau kepada pihak-pihak tertentu.

### **KAUNSELOR PROFESIONAL DAN NISBAH KAUNSELOR KEPADA PELAJAR**

Sebelum pengstrukturkan semula Unit Kaunseling pada tahun 2005 terdapat dua jenis kaunselor yang menjalankan tugas di Unit Kaunseling.

Pertama, mereka yang bukan kaunselor profesional yang dilantik atas jawatan Penolong Pendaftar di bawah skim jawatan 'N'. Satu kelompok lagi ialah kaunselor profesional (KB), yang dilantik atas skim 'S' dan berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (Seksyen 49 Akta Kaunselor 1998).

Selepas pengstrukturaran semula Unit Kaunseling pada tahun 2005, penyandang jawatan kaunselor adalah terdiri dari kaunselor profesional (KB) yang peranan mereka tertakluk kepada Akta Kaunselor 1998 dan Peraturan Kaunselor 1999 seperti berikut:

- i. Mengutamakan kepentingan kliennya dan tidak memeralatkan klien untuk kepentingan dirinya sendiri;
- ii. Menghormati hak peribadi klien dan menyifatkan segala maklumat yang diperolehi semasa kaunseling sebagai rahsia melainkan, jika mengikut budi bidara kaunselor maklumat yang diperolehi boleh atau dianggap membahayakan klien atau orang lain di persekitarannya;
- iii. Memelihara kesejahteraan fizikal dan psikologi kliennya;
- iv. Memberitahu klien tentang tanggungjawab klien dalam pembentukan diri dan tingkah lakunya dan kaunselor berdaftar hendaklah menghormati apa-apa keputusan yang dibuat oleh klien kemudiannya;
- v. Menjelaskan kepada klien tentang keperluan, proses dan implikasi perkhidmatan kaunseling yang diberikan; dan
- vi. Merujuk klien kepada pakar yang relevan sekiranya kaunselor berdaftar itu mendapati klien tersebut memerlukan perkhidmatan pakar di luar bidang kepakaran kaunselor berdaftar itu.

Sehingga 30 September 2008, Unit Kaunseling Universiti Kebangsaan Malaysia mempunyai empat kaunselor (KB) untuk memberi perkhidmatan kepada 20,000 (1:5000) orang pelajar, prasiswazah dan pasca siswazah tidak termasuk perkhidmatan kaunseling keluarga kepada kakitangan dan keluarga. Setakat ini tidak terdapat satu nisbah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi berhubungan dengan nisbah kaunselor kepada pelajar. Oleh itu, untuk meningkatkan dan mengekalkan reputasi kaunselor, pihak agensi pusat

harus menetapkan nisbah kaunselor kepada pelajar, seperti mana yang ditetapkan oleh badan profesional yang lain.

## **KESIMPULAN**

Artikel ini telah membincangkan beberapa perkembangan terhadap latarbelakang, perkembangan dan perkhidmatan kaunseling di pusat pengajian tinggi khususnya di Unit Kaunseling, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sejak perkhidmatan kaunseling di Unit Kaunseling Universiti Kebangsaan Malaysia distrukturkan semula pada tahun 2005, perkhidmatan yang diberikan oleh unit ini lebih berfokus kepada perkhidmatan dan tugas kaunselor profesional yang dijalankan oleh Kaunselor Berdaftar (KB). Berdasarkan kepada `arah` dan perkembangan terkini, unit ini bukan sahaja memberikan perkhidmatan kaunseling kepada pelajar-pelajar prasiswazah, tetapi juga pelajar pasca siswazah, kakitangan dan keluarga. Tugas yang tidak berkaitan dengan tugas kaunselor profesional seperti urusan kerjaya, latihan industri, urusan biasiswa dan sebagainya telah dipindahkan kepada bahagian lain di universiti ini atau jabatan-jabatan lain di bawah Hal Ehwal Pelajar. Memandangkan perkhidmatan kaunseling yang diberikan bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada kakitangan dan keluarga, nisbah kaunselor dan klien harus dibaiki misalnya 1:3000 untuk membolehkan perkhidmatan yang diberikan lebih berkesan. Pensyarah-pensyarah dari program Psikologi yang berpengalaman dan berdaftar sebagai Kaunselor Berdaftar harus digalakkan untuk memberikan perkhidmatan di unit ini di samping membuat penyelidikan dalam bidang-bidang tertentu. Di samping itu, perkhidmatan kaunseling dari aspek pendekatan Islam juga harus diberikan perhatian. Dapatlah disimpulkan bahawa Unit Kaunseling Universiti Kebangsaan Malaysia mempunyai peranan penting dalam usaha menolong pelajar, kakitangan dan keluarga dalam aspek kaunseling tertentu setidak-tidaknya untuk merujuk klien kepada pakar-pakar tertentu, sekiranya klien memerlukan perkhidmatan pakar di luar bidang keperluan pakar kaunselor.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Othman (1990), Kearah Satu Profesional Kaunseling di Malaysia, *Jurnal Personalia Pelajar* 1, 2, 3.
- Abdul Halim Othman (2007), *Kaunseling Untuk Kesejahteraan Insan, Satu Pengalaman di Malaysia*, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Abdul Halim Othman (1986), Beberapa Isu Teori-teori Kaunseling Barat dan Implikasinya Terhadap Praktik Kaunseling di Malaysia, *Majalah Psikologi* 6: 21-34.
- Abdul Halim Othman, Abdul Razak Habib, Taip Abu, dll. (1994), Pembangunan Sumber Manusia Di Kolej Kediaman: Satu Kajian Kes di Universiti Kebangsaan Malaysia, *Jurnal Personalia Pelajar* 3, 67-81.
- Amir Awang, (1984), Bimbingan dan Kaunseling Untuk Kesejahteraan Masyarakat, *Jurnal PERKAMA*, 1, 1-12.
- Amla Haji Md. Salleh, Zuria Mahmud dan Salleh Amat. 2003. *Kaunseling Sekolah*. Siri Penerbitan Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Pembangunan Pendidikan 2001-2010*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lloyd. A & Aminah Hashim (1987), *Kaunseling dan Bimbingan di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Shuaib Che' Din. (1995). Makna, Prinsip dan Pendekatan Kaunseling. Dalam Abdul Halim Othman & Amla Haji Mohd. Salleh (Ed.). *Kaunseling Dalam Pendidikan*. Kota Kinabalu: Yayasan Sabah.
- Mohd. Tajudin Hj Niggall. 2003. Kaunseling di Abad ke 21 antara Cabaran dan Realiti. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen PERKAMA kali ke XI, pada 25-27 Jun 2003 di Johor Bahru.
- See Ching Meu. 2003. Keperluan Pelajar dan Kaunseling di Universiti: satu Kajian Kes. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen PERKAMA kali ke XI, pada 25-27 Jun 2003 di Johor Bahru.
- Undang-undang Malaysia, (1998), *Akta Kaunselor 1998*, Kuala Lumpur, Percetakan National Berhad.
- Peraturan-peraturan Kaunselor, *Kelakuan dan Tatatertib (1999)*, Lembaga Kaunselor Malaysia, Kuala Lumpur.



Zuria Mahmud, Noriah Mohd. Ishak dan Noriha Bachok. 2003. Strategi Kaunseling Untuk Menangani Tingkah Laku Bermasalah di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Literatur. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen PERKAMA kali ke XI, pada 25-27 Jun 2003 di Johor Bahru.

Taip Abu (Datuk)  
Felo Kanan,  
Pusat Pengajian Umum,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia

Abdul Halim Othman (Prof. Emeritus Datuk Dr.)  
Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia

